



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI**

MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2019

**DEWAN SERBAGUNA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**6 NOVEMBER 2019 (RABU)
JAM 12.00 TENGAH HARI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna bagi meraikan tiga orang pegawai yang telah banyak menabur jasa, bakti dan budi di Kementerian Wilayah Persekutuan. Majlis Jasamu Dikenang ini diadakan khusus untuk menghargai sumbangan dan khidmat bakti warga Kementerian yang telah dan akan bersara pada tahun 2019. Saya bagi pihak seluruh warga KWP mengucapkan terima kasih atas kesudian YBhg. Datuk Seri/ tuan dalam menghadiri majlis yang serba sederhana tetapi penuh bermakna pada pagi ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Tiada perkataan sesuai yang dapat menggambarkan penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan dan pengorbanan YBhg. Datuk Seri / tuan kepada perkhidmatan awam khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya kira majlis ini merupakan satu simbol penghargaan dan kenangan atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan selama ini.

3. Bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada kesemua pegawai yang diraikan pada majlis hari ini. Berkat hasil usaha gigih dan segala pengorbanan yang telah YBhg. Datuk Seri/ tuan berikan kepada KWP, telah berjaya membantu -

Kementerian ini melaksanakan program-program utama di KWP dan Agensi termasuk memperoleh pelbagai bentuk pengiktirafan dan pencapaian di peringkat tertinggi. Terlalu banyak kejayaan-kejayaan untuk disebut di sini namun saya percaya semua kejayaan ini adalah usaha gigih YBhg. Datuk Seri/ tuan serta semua warga KWP yang telah berganding bahu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Persaraan adalah destinasi yang pasti dihadapi oleh setiap penjawat awam. Kementerian Wilayah Persekutuan kehilangan pegawai-pegawai yang berwibawa dan berjasa serta pemimpin yang berdedikasi dan berkarisma. Kehilangan mereka amat dirasai bagi kita semua seluruh warga KWP. Bak kata

pepatah Melayu, yang patah tumbuh, yang hilang kan berganti. Namun, yang hilang itu akan tetap kekal abadi tersemat di hati kita. Sudah pasti kita semua akan merindui mereka dan saya percaya persahabatan ini tidaklah berakhir di sini sahaja.

5. Persaraan pegawai yang selama ini telah bersama-sama mencurahkan khidmat bakti untuk bangsa dan negara tentunya sangat terkesan di hati. Namun begitu, kita sentiasa mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai yang baharu yang akan menerajui KWP untuk terus memacu kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Saya berharap agar semua warga KWP memberikan kerjasama yang padu dan erat dalam usaha untuk memastikan KWP kekal sebagai Kementerian yang unggul.

6. Walaupun usia bersara ini dianggap sebagai penamat kerjaya tetapi persaraan bukan sebuah pengakhiran. Saya yakin, segala pengalaman dan pengetahuan setiap individu yang diraikan boleh digunakan untuk khidmat bakti kepada masyarakat di luar sana. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w: "Sesiapa yang dapat menunjukkan suatu kebaikan (kemudian diikuti dan dilakukan kebaikan tersebut oleh seseorang yang lain) maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya." (Hadith riwayat Muslim)

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

**7. Pesanan saya kepada semua yang dirai,
jagalah kesihatan. Amalan gaya hidup sihat
menerusi pemakanan dan aktiviti riadah perlu
diteruskan selamanya. Kesihatan diri perlulah
diberi keutamaan demi kehidupan yang lebih
sejahtera dan bermakna untuk mengharungi
hari-hari ceria di zaman persaraan.**

**8. Bagi pihak seluruh warga KWP, ingin saya
zahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan
terima kasih atas segala jasa, pengorbanan dan
khidmat bakti YBhg. Datuk Seri/ tuan kepada
KWP khususnya, dan negara amnya.
Sesungguhnya, khidmat bakti yang ditabur
akan terus berkembang dan mewangi di mana
sahaja anda berada. "The Fragrance Always
Remains In The Hand That Gives The Rose"**

9. Akhir kata dari saya, selamat bersara dan selamat maju jaya kepada YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Tuan Haji Abdul Jalil bin Mat Noh dan Puan Hajah Sarimah binti Siran. Semoga kenangan indah bersama KWP sentiasa terpahat di hati YBhg. Datuk Seri/ tuan/ puan jua.

**Tuai Padi Antara Masak,
Esok Jangan Layu-layuan,
Intai Kami Antara Nampak,
Esok Jangan Rindu-Rinduan .**

**Sekian, saya sudah dengan lafaz
Wabillahitaufik wal Hidayah, wassalamualaikum
w.b.t**